

30 JAN 2001

PERDANA MENTERI BAHRAIN DIANUGERAHKAN GELARAN "TUN"

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menganugerahkan Darjah Kehormat Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) kepada Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa.

Darjah itu membawa gelaran "Tun".

Yang di-Pertuan Agong sendiri menyampaikan anugerah itu apabila Shaikh Khalifa menghadap baginda di Istana Selangor di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid dan Menteri Besar Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

Shaikh Khalifa, yang diiringi oleh delegasi 55 anggota berada di sini untuk lawatan tiga hari ke Malaysia atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Bahrain pada 1997.

-- BERNAMA

FSM RV FAZ